

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 24 OGOS 2016 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Jenayah siber di tahap 'kritikal'	Harian Metro
2.	Kesungguhan Politik Perlu Ditingkatkan Untuk Cegah Perubahan Iklim - Pakar	Bernamea.com
3.	Press Releases - Raising the Profile of Women Antarctic Researchers – Wikibomb Event	Bernamea.com
4.	Fighting Climate Change Demands Stronger Political Will - Expert	Malaysian Digest.com

KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) MUKA SURAT 40  
TARIKH: 24 OGOS 2016 (RABU)

## Jenayah siber di tahap 'kritikal'

**Kuala Lumpur:** Jumlah kes mangsa jenayah siber berada di tahap 'kritikal' apabila sebanyak 5,144 kes jenayah siber direkodkan sejak Januari sehingga 30 Julai lalu.

Berdasarkan statistik Cyber Security Malaysia (CSM) kebanyakan kes dilaporkan membabitkan penipuan dan pencerobohan maklumat.

Malah, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Panglima Madius Tangau tidak menolak kemungkinan jumlah kes akan terus meningkat sehingga mencecah 10,000 kes menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, evolusi teknologi semakin berkembang dan canggih digunakan sebagai saluran untuk melakukan jenayah berkeajaan.

"Selain itu kurangnya kesedaran masyarakat terhadap ancaman keselamatan siber dilihat sebagai faktor



MADIUS

utama mendorong kepada peningkatan kes terbabit yang dilaporkan kepada pihak berkuasa," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan The Disaster Recovery Institute (DRI) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Madius berkata, pelbagai langkah diambil kerajaan bagi mengatasi jenayah itu termasuk mengadakan kempen memberi penerangan kepada masyarakat berhubung ancaman keselamatan siber.

"Masih ramai kalangan masyarakat yang tidak menyedari kepentingan keselamatan siber berikutan impaknya tidak dapat dilihat dengan begitu jelas, sekali gus menyebabkan orang ramai memandang rendah masalah ini.

"Sikap ini menyebabkan ramai pihak sama ada individu mahupun syarikat menjadi mangsa jenayah siber berikutan mereka tidak mengetahui langkah keselamatan siber yang perlu diambil ketika menggunakan Internet," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai yang menjadi mangsa jenayah siber tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa.

"Melalui CSM, kami mewujudkan pusat panggilan dikenali sebagai Cyber999 bagi membolehkan orang ramai membuat aduan membabitkan jenayah siber termasuk kes penipuan dan pencerobohan maklumat," katanya.





## Kesungguhan Politik Perlu Ditingkatkan Untuk Cegah Perubahan Iklim - Pakar

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Usaha mencegah perubahan paras laut dan iklim global pada masa akan datang memerlukan kesungguhan politik lebih padu dalam mengubah keputusan yang telah dibuat tentang pelepasan gas rumah hijau, kata penerima Hadiah Tinker-Muse bagi Sains dan Dasar mengenai Antartika 2016, Prof Robert DeConto.

DeConto, profesor di University of Massachusetts-Amherst, Amerika Syarikat, berkata keputusan yang telah dibuat itu, walaupun amat penting bagi mencegah perubahan iklim, bukanlah berdasarkan sepenuhnya kepada penghakiman seseorang individu.

"Sekiranya terlibat dengan politik tempatan atau kebangsaan, seseorang itu perlulah bersikap proaktif apabila mengundi bagi memastikan kita tidak terus menggunakan laluan yang boleh mencemarkan atmosfera dengan gas rumah hijau kerana ia merupakan laluan yang berbahaya," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah itu.

Hadiah berkenaan disampaikan kepada DeConto oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Hadiah Tinker-Muse, Peter Barrett, dan presiden Yayasan Tinker, Renate Rennie, pada Mesyuarat Dua Tahun Sekali Jawatankuasa Sainifik mengenai Penyelidikan Antartika (SCAR) dan Persidangan Sains Terbuka ke-34 di sini Selasa.

Bertemakan 'Antarctica in the Global Earth System: From The Poles to The Tropics', persidangan itu berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari Sabtu hingga 30 Ogos dan dihadiri lebih 900 peserta dari 40 negara.

DeConto dipilih sebagai penerima Hadiah Tinker-Muse sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan cemerlang beliau selama 15 tahun berkaitan iklim di Antartika pada masa lepas dan masa akan datang serta kerana penyelidikannya yang menggabungkan data geologi dan pemodelan bagi mendedahkan akibat yang mungkin timbul hingga membawa kepada peningkatan paras laut berikutan kecairan lembar ais pada masa akan datang.

"Saya buat kajian tentang lembar ais dan bagaimana ia mengalami perubahan pada masa lepas dan apa yang mungkin dilakukannya pada masa akan datang. Sebarang perubahan yang berlaku terhadap lembar ais bermakna ais boleh masuk ke dalam lautan dan apabila ais masuk ke dalam lautan, ia akan cair dan meningkatkan paras laut global.

"Ini adalah isu global yang sangat penting dan berpotensi menjadi suatu masalah pada masa akan datang berikutan pelepasan gas rumah hijau dan pemanasan global. Oleh itu, kami bimbang tentang masa depan Antartika kerana sekiranya lembar ais menjadi cair, ia akan memberi kesan terhadap bandar di tepian pantai dan negara bertanah rendah," katanya.

DeConto berkata beliau juga bimbang tentang air lautan yang menjadi suam serta kemasukan berterusan gas rumah hijau ke dalam atmosfera yang boleh mewujudkan tahap kepanasan udara di bahagian atas lembar ais dan menyebabkannya mula cair di bahagian atas hinggalah ke bahagian bawah.

"Seterusnya, apabila terdapat begitu banyak air di atas lembar ais yang besar, keadaan itu boleh mempengaruhi dinamik serta alirannya ke dalam lautan. Maka, kami amat bimbang tentang pemanasan lautan dan udara. Anda boleh bayangkan sendiri bagaimana keadaannya apabila terdapat serangan dari atas dan bawah," kata beliau.

**Dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, Malaysia adalah negara Asia pertama yang menjadi tuan rumah Mesyuarat Dua Tahun Sekali SCAR dan Persidangan Sains Terbuka.

-- BERNAMA

